

30 APR 1997

PENSWASTAAN PERWAJA BELUM SELESAI

SHAH ALAM, 30 April (Bernama) -- Penswastaan Perwaja Steel Sdn Bhd belum lagi selesai, kata pengerusi jawatankuasa eksekutifnya, Abu Sahid Mohamed berkata hari ini.

"Ia telah mencapai peringkat terakhir bagi persiapan perjanjian penswastaan yang termasuk syarat-syaratnya," katanya kepada pemberita selepas majlis pemeteraian perjanjian perlantikan pengedar tunggal antara Perwaja Steel dan Ipmuda Bhd.

"Kemungkinan butir-butir terperinci tentang urusan penswastaan Perwaja, termasuk struktur pemegangan saham, akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke loji Perwaja di Gurun, Kedah pada pertengahan bulan depan," katanya.

Abu Sahid, yang juga pengerusi eksekutif Maju Holdings Sdn Bhd, syarikat yang bertanggung jawab bagi pemulihan dan penswastaan Perwaja berkata: "Perwaja dijaga rapi oleh Maju Group."

Katanya proses penyusunan semula untuk membaik pulihkan Perwaja sedang berjalan lancar, terutamanya disebelah pihak pengurusan.

Ketua pegawai eksekutif Perwaja Steel, Abu Talib Mohamed berkata sejak tempoh menyelamatkan sembilan bulan di bawah pengurusan sementara, di mana Maju memegang 51 peratus kepentingan Perwaja, kerugian Perwaja telah berkurangan sebanyak RM150 juta.

"Berdasarkan operasi dari bulan ke bulan, kami malah berjaya mengekalkan defisit operasi yang paling nominal sebanyak RM10 juta, berbanding dengan tempoh sebelum usaha menyelamatkan apabila defisit berjumlah RM40 juta," katanya.

Tambahan lagi, keupayaan pengeluaran loji pembuatan keluli Perwaja telah meningkat kepada 100,000 tan sebulan berbanding dengan 60,000 tan sebelum tempoh menyelamatkan.

Beliau yakin Perwaja akan menunjukkan keuntungan operasi tahun depan sekiranya syarikat itu boleh menunjukkan aliran tunai yang lebih baik.

Beliau juga menyatakan bahawa Maju Group sendiri sedang berusaha melaksanakan urusan penyusunan semula agar memudahkan pembaikpulihan serta bersiap sedia dalam penswastaan Perwaja.

"Ini termasuk pengambilalihan berbalik oleh anak syarikat Maju Group, iaitu Maju Steel Sdn Bhd; syarikat yang disenaraikan di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur, Kai Peng Bhd; serta pemilikan ekuiti 32.9 peratus dalam syarikat dagangan bahan binaan dan keluli, Ipmuda Bhd," tambahnya.

Bagi mempererat lagi hubungan antara Perwaja dan Ipmuda, Abu Talib berkata Ipmuda telah dilantik sebagai pengedar tunggal keluli Perwaja dan projek keluli lain yang berkaitan. Perjanjian berhubung perkara itu ditandatangani hari ini.

Perwaja akan dapat meraih manfaat daripada Ipmuda yang merupakan pengedar yang berpengalaman sejak 22 tahun, katanya.

Beliau berkata Ipmuda mempunyai pangkalan pelanggan 5,000 yang terdiri daripada pembekal perkakasan dan kontraktor dan ia mempunyai 35 cawangan pengedaran di serata dunia.

Ipmuda yang bergiat dalam pemasaran dan penjualan simen, keluli, perkakas tandas, ubin lantai serta dinding seramik, batu bata dan kepingan bumbung, diberi kontrak selama lima tahun untuk menjual keluaran keluli Perwaja.

Di persidangan berita hari ini, Abu Talib juga mengumumkan bahawa Perwaja akan melabur kira-kira RM100 untuk mendirikan pusat keluli setempat

di mana semua peserta industri yang berkaitan boleh berurus niaga di satu tempat.

"Kami sedang mencari tanah seluas kira-kira 20 ekar (lapan hektar) di Sungei Besi untuk mendirikan pusat ini. Saya berharap pembinaannya akan bermula menjelang awal tahun depan," tambahnya.

Katanya langkah untuk menubuhkan "daerah" keluli ini adalah sebahagian daripada usaha sepadu Maju untuk membangunkan semula Perwaja dan menempatkannya semula sebagai syarikat pembuatan keluli terbesar di negara ini. -- BERNAMA

RIZ MA/sia